

Tindakan cubaan lihat Melayu bersaing

UM 2 1 JUN 2002

KUALA LUMPUR 20 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan tindakan kerajaan mengurangkan beberapa perkara yang melindungi orang Melayu sejak akhir-akhir ini adalah sebagai satu percubaan untuk melihat keupayaan mereka bersaing dengan kaum lain.

Perdana Menteri berkata, jika usaha itu berjaya, kerajaan mungkin akan mengurangkan lagi hak-hak yang melindungi orang Melayu yang selama ini menganggap mereka mempunyai keistimewaan tersendiri bersaing.

“Nampaknya (melalui percubaan itu) orang Melayu menunjukkan bahawa mereka mampu bertahan, oleh itu kita boleh memikirkan untuk mengurangkan lagi perlindungan (keistimewaan) tersebut. (Bagaimanapun)

saya tidak boleh menjangka (bila dapat melihat hasilnya),” kata beliau.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri hari pertama Perhimpunan Agung parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Perdana Menteri mene-

gaskan, dalam bidang ekonomi, kerajaan mempunyai banyak idea membentuk sikap bersaing di kalangan orang Melayu.

Sebagai contoh, kata beliau, kerajaan akan cuba mewujudkan persaingan antara orang Melayu sendiri dan melihat siapa yang akan berjaya.

“Dan selepas bersaing sesama sendiri, kita mahu mereka bersaing dengan kaum lain... banyak cara untuk buat ini (wujud budaya bersaing),” katanya.

Ditanya adakah tindakan itu boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan ahli UMNO, Dr. Mahathir menegaskan parti itu mempunyai hampir tiga juta ahli dan oleh itu, mereka sudah tentu tidak akan mempunyai pendapat yang sama terhadap tindakan kerajaan.

“Apa yang penting kita dapat menjelaskan hasrat dan tujuan kita, keduanya kita perlu menentukan bahawa mereka berkeupayaan untuk mencapai kejayaan dan daripada pengalaman dan keputusan yang kita dapat, kita boleh yakinkan mereka,” katanya.

Dr. Mahathir berkata,

apa yang dilakukan itu pernah dilakukan sebelum ini walaupun ia dilihat luar biasa oleh pelbagai pihak.

“Di Malaysia, kita buat banyak benda luar biasa tetapi kita akhirnya mencapai kejayaan. Tiap kali kita berbuat sesuatu kita dapat banyak tentangan. Kita boleh tengok dalam banyak perkara,” kata sambil memberi contoh kejayaan projek kereta nasional dan pengisytiharan Langkawi sebagai pulau bebas cukai.

Begitu juga, kata Perdana Menteri dalam soal kewangan apabila Malaysia menggunakan pendekatan tersendiri dalam menangani krisis tersebut.

“Kita tidak buat seperti orang lain. Kita buat sesuatu yang seluruh dunia kritik. Kita berdepan bukan hanya dengan orang kita tetapi seluruh dunia, tetapi akhirnya mereka yakin dengan dengan apa kita buat,” katanya.

Mengenai pandangan seorang pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) yang menganggap ucapan dasar beliau agak ‘brutal’, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak berpendapat sedemikian.

“Saya cuba berlaku jujur. Saya cuma cakap benda yang benar itu sebabnya tajuknya (ucapan dasar) ‘mendedahkan yang terbuka’.

“Saya tidak memberitahu sesuatu yang baru cuma bercakap benda yang kebanyakannya orang tidak mahu bercakap. Saya cakap apa yang saya nak cakap,” tegasnya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak pernah mencari populariti apabila bercakap.

Sambil berseloroh Dr. Mahathir berkata, “tetapi saya dapat bertahan (sebagai Perdana Menteri) selama 20 tahun, ia bukanlah sesuatu ‘yang teruk’ bagi seseorang yang ‘celupar’.

Ditanya kenapa beliau tidak menyentuh isu pendidikan yang hangat diperkatakan dalam ucapan dasarnya, Dr. Mahathir berkata:

“Kadang-kadang kita nak kata sesuatu tak semestinya kita kata secara langsung. Kalau kita baca betul-betul ucapan itu, saya rasa kita boleh faham apa maksud ucapan itu daripada segi dasar pendidikan.”